



Submission date: 04/05/2019

Accepted date: 16/08/2019

## MEMASYARAKATKAN ILMU MERINTIS KAMPUS BARAKAH: PENGALAMAN UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

*Publicising Knowledge to Evolve Barakah (Blessed)  
Campus: The Experience of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)*

Nurol Halimatulwara' Hajji Mumin & Lilly Suzana Shamsu  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

nurwara.mumin@unissa.edu.bn  
lilly.shamsu@unissa.edu.bn

### Abstract

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) has intensively and progressively offered academic or non-academic programmes that are based on pure Islamic studies. Thus, this research aims to share the practiced of UNISSA and its relentless efforts in instilling Islamic values for all courses and activities offered, as well as its persistence attempt in transferring this knowledge to public. The researchers will examine UNISSA's academic curriculum and co-curriculum which enhanced academic excellence and also building human capacity amongst its students to be *ummah*'s future leaders. Moreover, this paper will also highlight a number of activities held by various disciplines and still integrated with the objective of serving the *ummah*. Thus, inculcate exemplary personality is inevitably understood as UNISSA's future investment through promoting volunteer culture into UNISSA's graduates. Library research methodology was used to gather data and information. Then, researchers will critically analyse it and do narrative approach with detailed explanation for some of its outstanding activities. This is to show UNISSA's efforts in spreading *Barakah* Campus through its activities. To conclude, this paper will also highlight that reducing the gap between university and public is also one of the most important aspects that lead *barakah* to UNISSA.

Keywords: UNISSA, curriculum, co-curriculum, *ummah*, knowledge.

### **Abstrak**

UNISSA ditubuhkan dengan dasar program-program yang ditawarkan adalah berteraskan pengajian agama Islam tulen. Program yang dimaksudkan meliputi program-program akademik dan program non-akademik. Kertas ini berhasrat untuk mengongsikan pengalaman UNISSA yang tegar berusaha mengangkat dan melestarikan elemen-elemen pendidikan Islam dalam pengajian, sekali gus mengupayakannya untuk sampai kepada masyarakat umum. Kajian ini akan meneliti kurikulum dan ko-kurikulum yang disediakan oleh UNISSA di mana ia tidak hanya menyasarkan kecemerlangan akademik tetapi pembinaan jati diri pelajar sebagai pemimpin ummah masa depan. Di samping itu, kertas juga akan menelusuri kegiatan-kegiatan yang signifikan dalam berbagai tema namun memiliki matlamat yang satu iaitu berbakti kepada ummah. Penerapan sahsiah yang unggul dan jitu ini merupakan pelaburan masa depan untuk kelangsungan budaya sukarela dalam kalangan lulusan UNISSA. Kertaskerja ini akan menggunakan metodologi deskriptif dan naratif yang dihuraikan dalam bentuk kritis dengan menumpukan perincian kepada beberapa kegiatan yang signifikan. Perbincangan mengenai elemen-elemen tertentu ini akan dilakukan untuk meninjau kapasiti UNISSA dalam merintis kampus barakah. Hasil kajian pula akan menjelaskan bahawa upaya dan ikhtiar memasyarakatkan ilmu agama tanpa dibatasi tembok kampus adalah ciri-ciri yang akan mengundang barakah kepada UNISSA.

Kata kunci: UNISSA, kurikulum, ko-kurikulum, ummah, ilmu.

### **PENGENALAN**

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) adalah universiti kedua di Negara Brunei Darussalam. Tertubuhnya universiti ini, adalah bertitik tolak sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi berkonsep pendidikan Islam dengan bahasa pengantar yang menggunakan Bahasa Arab dikenali sebagai Institut Pengajian Islam (IPI) Brunei Darussalam di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama. Urusan pentadbiran, kemudiannya diserap masuk dibawah pentadbiran Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada tahun 1993 dan diberi nama Fakulti Pengajian Islam (FPI). Pada 1999, Institut Pengajian Islam (IPI, KHEU) dan Fakulti Pengajian Islam (FPI, UBD) digabungkan menjadi sebuah Institusi Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien (IPISHOAS) dibawah tampok pentadbiran Universiti Brunei Darussalam (UBD) (Norarfani Zainal, 2018, 27).

Penubuhan UNISSA merupakan hasrat murni seorang pemimpin Negara yang bijaksana dan memiliki iltizam yang sangat luhur untuk memartabatkan ketinggian Agama Allah dibumi Darussalam. Penubuhan UNISSA, diumumkan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam dalam titah perutusan sempena awal tahun Masihi 2007 yang antara lain menyebutkan:

“Universiti ini kita hasratkan akan menjadi mercu tanda kegemilangan Islam di negara kita, dan insya Allah ia akan turut berperanan melahirkan para ulama dan cendekiawan yang berwibawa yang diperlukan negara”.

Pada Hafl al-Takharruj ke-2 UNISSA sekali lagi baginda selaku Chanselor UNISSA telah bertitah mengulangi hasrat tersebut dengan menekankan agar UNISSA bukan hanya mampu melahirkan lulusan bahkan graduan bertahap ulama. Ini sesungguhnya sangat signifikan sebagai sebuah universiti Islam yang secara langsung bertanggungjawab mendukung konteks “Islam” yang menjadi asas utama kepada falsafah Melayu Islam Beraja. UNISSA juga adalah pemangkin kepada aspirasi Negara Zikir dan tidak syak lagi adalah salah sebuah institusi yang bertanggungjawab dalam menjana pembinaan ummah berlandaskan akidah Ahli Sunnah Waljamaah.

Justeru UNISSA dengan kapasitinya sebagai sebuah gedung ilmu yang memiliki kepakaran dan kredibiliti rakyat harus menjadi tunjang kepada wawasan 2035 bagi melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya melalui penerapan dan memperkasakan nilai-nilai Islam yang holistik. Dengan hal ini, penyediaan kurikulum holistik dan dinamik yang menekankan kepentingan perkembangan dan juga kepentingan ilmu naqli dan `aqli dalam proses pengajaran dan pembelajaran terhadap salah satu *stakeholders* utama, iaitu pelajar adalah perlu seiring dengan perkembangan kehendak globalisasi abad ke-21. Skop utama adalah melahirkan insan soleh yang mempunyai sifat sentiasa ingat dan takut kepada Allah di setiap masa dan tempat sesuai dengan gagasan Negara Zikir untuk mencapai Wawasan 2035.

Kertas kerja ini akan mencanangkan corak pembangunan jati diri pelajar melalui struktur program kurikulum dan kokurikulum ke arah pembangunan modal insan dan berdaya saing (*sustainable*) dengan IPT antarabangsa. Disamping peningkatan kapasiti kemasukan pelajar dari bidang bukan berlatarbelakangkan bahasa pengantar Arab telah mentransformasikan relevansi pendidikan Islam sebagai tunjang utama dan teras bagi mencapai visi dan misi UNISSA.

## **PEMERKASAAN UNISSA MELAHIRKAN ULAMA**

Pelbagai langkah dan strategi diambil untuk mempertingkatkan pengurusan dan pencapaian UNISSA. Masih banyak aspek dan ruang boleh diperkasakan bagi memartabatkan UNISSA sebagai sebuah universiti Islam tulen di peringkat nasional, nusantara dan antarabangsa. Skop pemerksaan ini perlu bersifat komprehensif


meliputi aspek-aspek memperkasakan identiti dan imej korporat agar setaraf dengan institusi pengajian tinggi tempatan dan antarabangsa, pemantapan penstrukturran organisasi, peningkatan kualiti pensyarah, pengembangan program pengajian, penarafan dan pengiktirafan, pemantapan keupayaan kepimpinan, pemantapan pengurusan organisasi.

Demikian itu, visi penubuhan UNISSA adalah khusus untuk menjadi sebuah Universiti Islam tulen bertaraf antarabangsa yang progresif dan dinamik berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Sementara itu, misi penubuhannya pula adalah untuk menjadi sebuah universiti bertaraf antarabangsa yang menyediakan program pengajian, penyelidikan dan pembinaan insan melalui kaedah-kaedah holistik berteknologi terkini selaras dengan perkembangan dunia untuk melahirkan graduan yang salih, berwibawa dan berharga serta turut menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara. Manakala objektif yang dinyatakan, antaranya adalah untuk memperkaya khazanah ilmu dan rujukan yang berteraskan Islam dan menyebarluaskan ilmu-ilmu berkenaan untuk dimanfaatkan oleh masyarakat (Pelan Strategik 2009-2018: 7).

Hal di atas sangat jelas menekankan bahawa individu yang diharap akan dilahirkan adalah dalam kalangan ilmuan cemerlang duniawi dan ukhrawi, cekap, berinovatif beriltizam, beradab, beragama, berwawasan dan peka terhadap perkembangan ilmu agama dan ilmu keduniaan. Dari sudut kegiatan akademik pula mementingkan penyelidikan dan khidmat masyarakat berhalu tuju ke arah melahirkan individu yang berilmu, berketerampilan, berjaya, bermoral tinggi serta berdaya saing.

Dalam usaha dan itlizam UNISSA dalam melahirkan graduan atau ilmuwan bertaraf ulama, perbincangan mengenai identiti pelajar adalah merujuk kepada Nilai-nilai Teras yang digariskan dalam buku Pelan Strategik UNISSA 2009-2018. Nilai-nilai teras ini mencangangkan antara lain untuk “*setiap individu dan pelajar mestilah berpegang dan berkelakuan baik serta mempunyai nilai etika yang tinggi dalam setiap amalan dan tindakan. Adalah sangat penting bahawa warga UNISSA pada setiap waktu berpandu dan mengekalkan nilai moral yang tinggi di dalam kehidupan seharian di dalam dan luar kampus*” (Pelan Strategik UNISSA 2009-2018:10).

Nilai-nilai ini adalah berpaksikan iman sebagai sendi yang mendasari keperibadian dan dimanifestasikan dalam rajah berikut:



Keperibadian bertunjangkan iman sangat signifikan diterapkan secara tuntas dalam segenap aspek sama ada pentadbiran, pengurusan, kurikulum dan ko-kurikulum. Perbincangan kertas kerja ini seterusnya akan mengupas bentuk kurikulum dan ko-kurikulum yang menjadi nadi UNISSA sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi di Negara Brunei Darussalam.

## **KECEMERLANGAN AKADEMIK MELALUI KURIKULUM**

Dalam usaha UNISSA untuk mempertingkatkan kecemerlangan akademik, beberapa langkah telah dan sedang dilaksanakan untuk memenuhi lima komponen pelaksanaannya (Pelan Strategi 2008-2019) iaitu pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan, latihan dan konsultasi, pengantarabangsaan, serta perkembangan akademik. Adapun dua komponen yang terawal berkait rapat dengan tajuk penulisan kertas kerja ini dan akan dibahaskan seperti berikut:

### **a) Cemerlang pengajaran dan pembelajaran**

Komponen ini mempunyai dua pihak berkepentingan dalam melestarikan sistem pendidikan sebuah universiti. Yang Pertama adalah ahli tenaga akademik atau *murabbi* atau *mursid*. Proses pengajaran dan pembelajaran lebih berpusatkan pelajar sebagai satu pendekatan di mana pelajar perlu melibatkan diri secara aktif sepanjang

proses pengajaran dan pembelajaran berjalan di samping guru hanya bertindak sebagai fasilitator atau pembimbing kepada pelajar. Melalui pendekatan pemusatan pelajar, proses pembinaan ilmu berlaku secara dua hala dengan lebih inovatif, kreatif, proaktif dan dinamik di samping menggalakkan gaya pembelajaran akses kendiri, konstruktif, pembelajaran aktif, koperatif, kolaboratif, inkuiri dan seumpamanya (Makmon, 2011).

UNISSA sesungguhnya telah meletakkan kepentingan pengajian ilmu Rabbani dalam jati diri pelajar dan telahpun mewajibkan Kursus Al-Quran al-Karim dalam setiap struktur program. Hal ini bertepatan dalam menjunjung titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

“Kerajaan Beta tanpa kendur-kendurnya, terus mempromosi belajar Al-Quran itu dari peringkat bawah lagi sampai ke peringkat atas,...Bagi Brunei, kita tidak mahu bidang-bidang lain sahaja yang maju, sedang bidang al-Quran dan ugama tertinggal di belakang”.. (Titah Sempena Majlis Sambutan Nuzul al-Quran 1436H/2017M).

Kursus Al-Quran al-Karim merupakan kursus teras atau kursus wajib universiti (*Universiti Required Course*) di mana setiap pelajar dikehendaki lulus kursus-kursus al-Quran al-Karim mengikut silibus yang telah ditetapkan dan dikehendaki melunaskannya dalam tempoh pengajian. Penetapan al-Quran al-Karim sebagai URC meliputi semua program yang ditawarkan di UNISSA, dari prasiswazah sehingga ke Ijazah Doktor Falsafah. Hingga ke hari ini, UNISSA telah menawarkan sebanyak 41 buah kursus al-Quran al-Karim untuk pelbagai peringkat, program dan mod pengajian.

Penawaran kursus teras universiti selain kursus Al-Quran al-Karim seperti Bahasa Arab, Bahasa Inggeris, Melayu Islam Beraja (bagi penutur bahasa Melayu), *Information and Communication Technology (ICT)*, *Entrepreneurship*, *al-Akhlik al-Islamiyyah* (bagi program Bahasa Arab) atau *Ethics and Fiqh for Daily Life* (bagi program Bahasa Inggeris), *al-Tarikh wa al-Hadarah al-Islamiyyah* atau *Islamic History and Civilisation* dan pilihan dari salah satu daripada kursus *Minor: Web Design, Applied Multimedia and Database Applications*. Kesemua kursus teras adalah dibawah urus tadbir Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) seterusnya bertanggungjawab menawarkan kesemua Kursus Wajib Universiti (URC).

Menyoroti kepentingan dan keperluan kepada penerapan kurikulum holistik dan dinamik adalah merujuk kepada falsafah Pendidikan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam:

Pendidikan kebangsaan Negara Brunei Darussalam adalah usaha yang berterusan bersumber ilmu naqli dan `aqli ke arah memperkembangkan potensi individu serta menyeluruh bagi melahirkan insan berilmu, beriman, beramal, berkepandaian, bertaqwah, amanah, bertanggungjawab serta berakhlah mulia. Segala usaha ini akan mewujudkan masyarakat berilmu dan berwawasan yang akan menyumbang kepada keamanan dan kemakmuran keluarga, masyarakat, negara dan sejagat serta menimbulkan suatu identiti kebangsaan berdasarkan falsafah Negara Melayu Islam Beraja menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai tapak pertumbuhan dan pengukuhan ketaatan kepada agama, raja dan Negara Brunei Darussalam.

UNISSA sangat komited untuk mengembangkan fakulti dan pusat kecemerlangan akademik sesuai keperluan negara. Bermula dengan empat buah fakulti dan tiga buah pusat pada tahun 2007, kini UNISSA mempunyai lima buah fakulti iaitu Fakulti Usuluddin (FU), Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Fakulti Bahasa Arab (FBA), Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) dan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI) dan dua buah pusat kecemerlangan akademik iaitu Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS) dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) serta lima buah pusat dan bahagian pengurusan iaitu Pusat Pengajian Lepas Ijazah (PPLI), Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP), Pusat Multimedia dan Teknologi (PMT), Pusat Hal Ehwal Perhubungan Awam dan Antarabangsa (PusPAA) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Perkembangan UNISSA juga membawa kepada penubuhan tujuh unit pengurusan iaitu Unit Terjemahan, Unit Jaminan Kualiti, Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat, Unit Unitedech, Unit Teknologi Pendidikan dan Estat.

### **b) Cemerlang Penyelidikan dan Penerbitan**

Komponen ini sangat penting dalam dunia akademik khususnya dalam pengiktirafan sebuah universiti bertahap antarabangsa. Para ahli akademik yang aktif dalam penyelidikan akan sentiasa memperkayakan ilmu pengetahuan mereka seiring perkembangan zaman yang mana hal sedemikian ini berhubungkait dengan pengembangan bahan pengajaran mereka.

Mengambil kira kepentingan hal ini, pihak kepimpinan UNISSA telah menuahkan sebuah pusat baru yang dikenali Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) yang mana pusat ini bertanggungjawab memaju dan membangunkan budaya akademik yang berkualiti tinggi dalam penyelidikan dan penerbitan UNISSA. Hasil penyelidikan haruslah berimpak tinggi dalam memberikan manfaat kepada masyarakat dan negara serta mampu merungkai permasalahan dengan kreatif dan inovatif.

Di peringkat awal penggalakan penyelidikan dalam kalangan ahli akademik, program satu pensyarah satu buku telah dijalankan. Maka dari galakan ini (2009 sehingga 2016) UNISSA melalui PPP berjaya menerbitkan sebanyak 121 judul, iaitu 76 buah terbitan buku Bahasa Melayu, Bahasa Arab, dan Bahasa Inggeris, 17 buah terbitan jurnal, 4 buah monograf dan 7 buah berbentuk buku teks (Rose Abdullah, 178).

Penubuhan Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS) UNISSA, telah mengungguli kecemerlangan UNISSA sebagai Institusi Pengajian Tinggi di rantau ini. Pusat ini berperanan dalam memelihara dan memperkuatkannya Mazhab Syafi'i sebagai teras pegangan masyarakat Islam di negara ini sejajar dengan Perlembagaan Negara Brunei 1959, Bab 3 (1) yang mengkanunkan Islam sebagai agama rasmi negara mengikut fahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah, Mazhab Syafi'i. Selaku peneraju utama Penyelidikan Mazhab Syafi'i, pusat ini telah berjaya menerbitkan jurnal berwasit Antarabangsa, "Jurnal al-Shafi'i yang mengetengahkan artikel-artikel ilmiah dalam pelbagai bidang berkaitan Mazhab Shafi'i.

UNISSA juga aktif dalam melaksanakan penyelidikan bersama agensi-agensi kerajaan terutama dalam menangani isu social di negara ini seperti penyelidikan yang dilaksanakan bersama Biro Kawalan Narkotik bertajuk "Penyalahgunaan Dadah Dalam Kalangan Rakyat Tempatan di Negara Brunei Darussalam: Punca dan Penyelesaian". Hasil penyelidikan ini telah diterbitkan dan dibentangkan dalam seminar-seminar dalam dan luar negara.

Setelah satu dekad UNISSA ditubuhkan, UNISSA terus matang dalam mencorak kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan dalam membudayakan kajian dan penulisan ilmiah berimpak tinggi sejajar dengan Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik (SPTA) yang diperkenalkan pada tahun 2014.

## **KECEMERLANGAN AKADEMIK MELALUI KOKURIKULUM**

Bagi mendepani masalah global dimana status graduan yang memegang sijil lulusan degree, master dan Phd dengan gred cemerlang dalam kurikulum sahaja adalah tidak memadai untuk memenuhi citranya bagi mendapat jawatan pekerjaan kerajaan mahupun swasta. Senario yang terjadi pada masa kini, terutama mendepani revolusi 4.0 mencabar keupayaan pelajar untuk mengatasi perkembangan ini. Kemunculan Revolusi 4.0 mendesak UNISSA untuk mempelbagaikan stakeholder yang terdiri dari pelajar agar menjadi graduan solih dan beramal. Justeru itu, UNISSA mengambil langkah strategik bagi memacu kebolehan para pelajar dan mempertingkatkan kemahiran dengan mengemaskini kursus-kursus yang sedia ada

(rebranding courses) serta mengemaskini sistem pembelajaran dan pengajaran yang berkualiti.

Bagi memberi nilai tambah kepada kecemerlangan akademik, pelajar UNISSA disaran melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum sepanjang tempoh pengajian. UNISSA berperanan dalam memacu kepentingan kokurikulumnya sebagai satu nilai tambah dalam kredibiliti dan kompetensi jati diri pelajar. Kokurikulum didefinisikan sebagai kursus wajib Universiti yang dijalankan untuk memupuk kemahiran insaniah pelajar.

Bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan UNISSA, pelajar dilengkapkan dengan satu plan strategik yang manjalinkan di antara industri dalam pembentukkan kurikulum pengajaran dan pembelajaran yang relevan kepada keperluan industri bagi mencapai pusat kecemerlangan akademik (Kamal, 2016).

Antara nilai tambah yang boleh disuntik dalam kalangan pelajar adalah kursus berkredit yang dibahagikan kepada 2 bahagian utama: Kursus Kadet (pasukan beruniform) atau Bengkel dan Khidmat Masyarakat. Pemantauan tugasannya tersebut dilakukan oleh PPIB di mana seorang penyelaras dilantik untuk menyelaras, menyemak dan mengemaskini rekod setiap pelajar. Sepanjang penubuhan UNISSA, Kursus Kadet (pasukan beruniform) Angkatan Bersenjata Brunei telah dapat pengiktifan dan sehingga kini penglibatan para pelajar masih dilaksanakan. Insya Allah bagi sesi pengajaran 2019/2020, pasukan beruniform akan dilaratkan kepada tentera bomba dan Pasukan Bulan Sabit Merah. Kursus Bengkel pula menawarkan 4 bahagian bengkel yang mana pelajar bebas memilih bengkel tersebut dalam tempoh 2 tahun pengajaran awal (tahun 1 dan tahun 2). Pada tahun pengajaran berikutnya pula, pelajar bolehlah menukar jenis bengkel yang diikuti dalam pada untuk mempelbagaikan integrity, kebolehan dan kepakaran masing-masing.

**Rajah 1: Jadual Kursus Ko-kurikulum UNISSA**

Bengkel Kemahiran Insaniah	Bengkel Kreativiti dan Inovasi	Bengkel Kerohanian	Bengkel Seni Mempertahankan Diri
Bengkel Fotografi	Bengkel Poster	Bengkel Tausyeh	Bengkel Silat
Bengkel Komunikasi	Bengkel Pembuatan Filem/Video	Bengkel Tarannum	Bengkel Karata
Bengkel Khat		Bengkel Dikir	Bengkel Kendo

Bengkel Hadrah	Bengkel Pertanian	Bengkel Hafazan	
Bengkel Kepimpinan	Bengkel Penulisan		
Bengkel Keusahawanan			

## **UNISSA DAN MASYARAKAT**

UNISSA sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi menyahut tinggi kepada wawasan Negara 2035 yang memfokuskan tiga perkara utama; *pertama* rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; *kedua*, kehidupan rakyat yang berkualiti; dan *ketiga* ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Justeru termaktub dalam aspirasi UNISSA bagi melahirkan graduan bertahap ulama disamping beridentiti cemerlang berdasarkan modal insan beramal soleh terdidik akhlaknya, mempunyai sikap pemedulian kepada masyarakat dan mempamerkan ciri kepimpinan yang berkaliber.

Justeru UNISSA dengan masyarakat adalah sangat dekat. Ini menjelaskan menunjukkan arus tadbir UNISSA sendiri menyokong hal ini dengan menjadikan semua pelajarnya memberikan khidmat sosial dan masyarakat. Antara matlamat yang hendak dicapai melalui khidmat masyarakat adalah kemahiran, nilai tanggungjawab, keprihatinan terhadap masyarakat dalam universiti dan luar universiti. Kemudian ditambah dengan nilai patriotic bernegara, siap siaga memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara (File: PPIB). Dengan yang demikian UNISSA merupakan satu-satunya pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam yang menetapkan syarat wajib kepada setiap pelajarnya untuk mengikuti 100 jam khidmat masyarakat dalam tempoh empat tahun pengajian prasiswazah (Nurhafizatulhikmah & Lilly, 2006, 7). Ketidakcukupan menunaikan 100 jam mandatori dalam menjalankan khidmat masyarakat akan menyebabkan pelajar tidak dibenarkan untuk bergraduasi. Bermula semester 1 sesi pengajian 2017/2018, UNISSA telah bersidang dalam ahli-ahli pegawai-pegawai utama untuk mempersetujui khidmat masyarakat dikurangkan dari 100 jam kepada 50 jam dalam tempoh pengajian. Pengurangan ini tidak bermaksud sumbangan khidmat masyarakat dikurangkan akan tetapi pengemaskinian semakin tertumpu kepada kejadian dalam pelaksanaannya terutama kredit khidmat masyarakat yang berimpak tinggi dan menaikan nama UNISSA (file PPIB, Semester 2, 2018/2019). Sistem permarkahan yang dikreditkan akan memberi tumpuan besar khidmat masyarakat yang berkualiti dan menaikkan imej pelajar, university dan komuniti. Antara contoh khidmat masyarakat yang dijalankan seperti dakwah ke kawasan pedalaman, bergotong royong, perkhidmatan sukarelawan, perkhidmatan bencana alam.

Beberapa projek khidmat masyarakat yang menjadi aktiviti tahunan seperti “Ramadhan Food Drive”, “Awakeming the Ummah”, dan “Program Ziarah Mahabbah” antara manifestasi sentuhan jiwa kemasyarakatan dalam kalangan pelajar UNISSA. Aktiviti seumpama ini akan memastikan pelajar tidak berada dalam kepompong selesa di dalam kuliah sahaja, malah mereka didedahkan kepada masyarakat luar bahkan perlu cakna dengan situasi persekitaran (al-Nashrah, 2018)

Walau ada segelintir laporan yang diterima mengatakan bahawa Khidmat Masyarakat yang dihulurkan tidak memberikan kesan positif dalam diri pelajar, malah hanya mendapat penat lelah sepanjang ianya dijalankan dan menganggu fokus kuliah. Ternyata hujah ini dikategorikan laporan tidak berasas kerana sepanjang khidmat masyarakat dijalankan ianya dilaksanakan di luar waktu perkuliahan dengan perkiraan jam purata sekurang-kurangnya 7.5 jam untuk setiap semester. Tujuannya ialah untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan kewarganegaraan serta memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara, di samping untuk menjadi warganegara yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.

Kegiatan aktiviti melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UNISSA juga mempergiatkan kecemerlang dalam membentuk intelektual dan sahsiah pelajar, UNISSA menekankan aspek kepribadian sehingga dapat melahirkan ulama dan cendikiawan yang berwibawa yang serba boleh dan mempunyai kualiti seperti berikut (Buku Panduan Pelajar 2018/2019: 8):

- a) Berilmu pengetahuan serta mempunyai keinsafan dan nilai moral yang tinggi dengan sikap yang positif
- b) Bertanggungjawab serta berdisiplin dan mempertahankan ciri-ciri dan identiti kehidupan bermasyarakat Brunei.
- c) Mempunyai pemikiran matang dan bertanggungjawab.
- d) Sedia menerima kritikan-kritikan yang membina dan mempunyai sikap tolak ansur.
- e) Aktif dan sedia untuk memimpin dan menolong serta cintakan agama, bangsa dan negara
- f) Mempunyai kualiti kepimpinan yang tinggi, akhlak yang mulia dan kepekaan terhadap kehendak dan masalah masyarakat
- g) Mempunyai pengetahuan dan pemahaman kognitif yang seimbang, dan mempunyai nilai dan keperibadian yang sihat bagi membentuk orang yang berguna dan serba boleh (*versatile dalam mencapai moto UNISSA iaitu: “bertaqwalah kamu kepada Allah dan Allah akan mengajar kamu”*).

Kematangan pelajar mempraktikan teori perkuliahan juga mendorong pelajar mendekati masyarakat Brunei tanpa mengira agama. Aktiviti “Dakwah to Non-

Muslim”, “Dakwah ke Temburong”, “Dakwah ke Temburong 2.0”, “Khidmat Masyarakat ke Kampong Bebuloh” melalui pelajar Fakulti Usuluddin mencerminkan rasa pemedulian dan tanggungjawab yang mendalam tentang kewajiban dakwah Islam di Negara Brunei Darussalam. Pengisian yang menguji kesabaran dan kreativiti pendekatan dakwah kepada masyarakat bukan Islam mengundang cabaran kepada pelajar mensepadukan ilmu perkuliahan dan praktikal. Galakan tenaga pengajar UNISSA mendekati masyarakat juga sangat jelas melalui program-program dan undangan-undangan dari sektor kerajaan dan swasta. Program ceramah radio untuk masyarakat seperti program interaksi “As-Syura” disiarkan di salah satu rangkaian radio tempatan, Rangkaian Nur Islam, Radio Telesyen Brunei. Program “An-Nur” menjemput tenaga akademik untuk berceramah secara langsung dalam rancangan televisyen Brunei. Ini menjelaskan seluruh warga UNISSA, pelajar dan pengajar menghidupkan khidmat masyarakat dan akan sentiasa mendekati masyarakat.

### **UNISSA MERINTIS KAMPUS BARAKAH**

UNISSA memainkan peranan dalam merealisasikan harapan untuk melahirkan ulama menerusi graduan-graduan yang telah diasuh sepanjang tempoh pengajian, dilengkapi dengan ilmu duniawi dan ukhrawi, yang berupaya untuk tampil dihadapan khalayak ramai seperti menjadi daie, gura agama, pendidik yang berwibawa. Ciri-ciri tersebut membantu urus tadbir sebuah negara yang sentiasa meraih keberkatan Allah Subhanahu wa Ta’ala seperti dalam firmanya:

**بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ عَفُورٌ**

“Negara yang baik, aman dan makmur, dan Tuhan Yang Maha Pengampun” – Surah Saba: 15 –

Demikian harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah terhadap UNISSA sepertimana yang dititahkan baginda semasa Majlis Hafli al-Takharruj ke 4 UNISSA pada tahun 2014:

“Beta gembira kerana dari tahun ke tahun, UNISSA telah melahirkan ramai graduan yang dilengkapi dengan ilmu ugama yang berguna kepada pembangunan, bagi meneruskan legasi kita sebagai sebuah “Negara Zikir” yang berdaulat lagi direhui oleh Allah Subhanahu Wata’ala”.

Jelaslah UNISSA sebagai sebuah institusi Islam yang dinanti dan bertanggungjawab menggalas kewajiban memaksima pembangunan sebuah “Negara Zikir” dirantau ini berteraskan al-Quran dan Sunnah.

Sesuai dengan tuntutan ilmu adalah menjadi kewajiban semua insan dan hukum menyebarkan ilmu juga wajib ke atas mukallaf mengikut tahap kemahiran dan pengetahuannya, dan seterusnya menjadi kewajiban juga untuk merujuk ahli pakar mengikut bidang masing-masing. (Mustafa, 1995) sesuai dengan perintah untuk menuntut ilmu itu dari dalam buaian hingga ke liang lahad, maka pendidikan sepanjang hayat patut dikembangkan kan disebarluaskan ke seluruh peringkat umur, bukannya terhad kepada golongan remaja sahaja (Saddiq, 2003).

Selaku rakyat yang mendukung hasrat sepertimana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah mengambil tindakan dan akan sentiasa memartabatkan UNISSA agar ianya akan menjadi campus yang mencapai visi dan misinya dan seterusnya berdiri setanding dengan universiti terkemuka di rantau ini dan juga antarabangsa. Pelbagai program telah di tawarkan kepada orang awam antaranya “Program Mari Belajar Bahasa Al-Quran (MBBQ)”, “Kemahiran Bahasa Al-Quran untuk orang Ramai (PKBQ)”, “Program Tatabahasa AL-Quran Untuk Orang Ramai (PTBQ), “Program Memahami dan Menghayati Al-Quran” yang diungkayahkan setiap tahun bagi memenuhi tuntutan dan keperluan masyarakat am dan seterusnya membudayakan pembelajaran sepanjang hayat.

Penubuhan Pusat Penyelidikan Halalan Tayyiban juga merupakan inisiatif dalam mengejar arus globalisasi yang mana isu halal kini menjadi persoalan sejagat bukan hanya terbatas kepada umat Islam sendiri bahkan kepada Non- Muslim juga. Dengan harapan UNISSA akan menjaga pusat hab halal antarabangsa dan mengangkat nama UNISSA sebagai institut pendidikan Islam setaraf universiti antarabangsa.

Dari mula penubuhan UNISSA pada tahun 2007, UNISSA beroperasi di bangunan Universiti Brunei Darussalam dan kemudiannya berpindah ke bangunan sementara di kawasan Gadong. Alhamdulilah atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah memperkenankan satu peruntukan bagi pembinaan kampus kekal UNISSA di bawah Rancangan Kemajuan Negara ke-11 dalam utusan titah baginda pada Majlis Hafli Al-Takharruj ke-8 UNISSA di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC),2019 bagi pembinaan campus kekal UNISSA di mukim Labu daerah Temburong seluas 310 hektar (766 ekar).

“Beta berharap dengan adanya kampus itu kelak, akan melonjakkan lagi reputasi UNISSA sekali gus merealisasikan harapan semua untuk melihatnya sebagai hab pengajian tinggi Islam di rantau ini,” titah Baginda.

## KESIMPULAN

UNISSA mendepani cabaran globalisasi dengan memperkayakan jati diri para pelajar dengan gabungan ilmu ‘aqli dan naqli berteraskan Al-Quran dan Sunnah. Seiring dengan kemodenan pendidikan, pembangunan kurikulum dan kokurikulum disusun dengan rapi dalam mendidik pelajar yang dinamik, berkualiter dan kebolehpasaran dalam memimpin masyarakat awam dimasa hadapan. Kelahiran pelajar UNISSA bertaraf ulama adalah menjadi impian dan harapan semua lapisan masyarakat kerana sumbangannya terpandu bagi mencapai wawasan negara dan sebuah negara zikir yang dirahmati dan diberkati.

## RUJUKAN

- Abdul Halim, A.H. (2007). Pembentukan Generasi Baru Menerusi Program Latihan Khidmat Negara Dalam Mendukung Kedaulatan Raja (Himpunan Kertas Kerja Majlis Ilmu 2007). Brunei Darussalam: Jabatan Perdana Menteri Bahagian Hal Ehwal Pelajar. (2017). *Buku Panduan HEP*. Brunei Darussalam: Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
- Makmon, R., Mahamod, Z., Taib, N. I. M., & Haron, R. A. (2011). Pengetahuan Teknologikal Pedagogikal Kandungan Kesusastraan Melayu: Peranan Guru Sastera Dalam SPN 21 (Technological Pedagogical Content Knowledge in Malay Literature: The Roles of Malay Literature Teachers in SPN 21). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education* (MyLE).94 ,(2011) ,(2) 1 .
- Masuriati, Y., & Che Zarina. (2015). “*Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21*”, *Afkar* 16, (Januari- Jun). Vol 16, 61-92.
- Mustafa Masyhur. (1995). *Min Fiqh Al-Dakwah*. Mesir: Dar al-Wafa’.
- Al-Nashrah. (January-March 2018). Brunei Darussalam: Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
- Nik Safiah, K. 2012. “Ke Arah Pemerkasaan Modal Insan: Penyediaan Lulusan Pengajian Melayu”. *Jurnal Melayu* (9), 12-14.
- Norarfani, Z & Rose, A. (2018). *UNISSA satu dekad: Perkembangan dan pencapaian*. Brunei Darussalam: Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
- Nurhafizatulhikmah, S & Lilly Suzana, S. (2016). The Implementation of a University Policy for Community Engagement: The Experience of UNISSA in *The Diversity of University-Community Engagement: An International Perspective*. Chris Pratt (ed). Malaysia: Asia Pacific University Community Engagement Network (APUCEN).
- Kamal, Nasharuddin. (2016). *Universiti-Industri Memperkasa IPT*. Utusan Online. <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/universiti-industri-memperkasa-ipt.189663#ixzz4oyJ6VVdb>. Akses pada 10 November 2018.

- Saddiq, Fazli. (2003) Institusi Pengajian Tinggi Islam: Peluang dan Cabaran dalam *Seminar Serantau Pengajian Tinggi*.  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali, *Pelan strategik 2009-2018*. Brunei Darussalam: Universiti Islam Sultan Sharif Ali.  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali, File Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, *Kertas Cadangan Rebranding Kursus Ko- Kurikulum PG1110, PG1111, PG21113, PG2114*.